

# 15,000 sertai Hari Sarapan Malaysia

**Kuala Lumpur:** Lebih 15,000 pengunjung membanjiri Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam, untuk turut serta dalam program 'Hari Sarapan Malaysia' yang dianjurkan Milo.

Program itu diadakan sempena pelaksanaan kempen Gerakan Sarapan Milo yang bertujuan untuk membawa mesej pentingnya bersarapan.

Pengarah Urusan Nestle Berhad, Alois Hofbauer, berkata rakyat Malaysia amat menggemari minuman Milo dengan cara tersendiri dan program itu mengajak orang ramai mengamalkan sarapan pagi sebagai gaya hidup dengan mengambil minuman Milo.

## **Kepentingan ambil sarapan pagi**

"Ramai rakyat Malaysia menyedari mengenai kepentingan pengambilan sarapan tetapi perkara ini sering diabaikan kerana kesibukan bekerja dan mempunyai komitmen lebih penting untuk diutamakan.

"Hari ini (semalam) adalah hari untuk seluruh rakyat Malaysia memulakan pengambilan sarapan dan program ini mendapat sambutan luar biasa," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, seramai 10,000 peserta mendaftarkan diri untuk menyertai acara larian sejauh tiga dan tujuh kilometer (km) mengelilingi kampus UPM.